

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	6 SEPTEMBER 2016

Veteran tentera tulis surat kepada Perdana Menteri

BH - 6/9/2016

➔ Harap lebih banyak badan korporat, GLC sumbang kepada Tabung Pahlawan

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Persatuan Veteran Angkatan Tentera Malaysia (PVATM) akan menulis surat kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak berhubung sambutan dingin badan korporat di negara ini, terutama syarikat berkaitan kerajaan (GLC) terhadap Tabung Pahlawan.

Presidennya, Tan Sri Mohd Anwar Mohd Nor, berkata biarpun Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah pada 20 Ogos lalu menzahirkan dukacitanya apabila hanya tujuh syarikat termasuk Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) menyalur sumbangan kepada tabung itu, reaksi syarikat korporat dan GLC masih sama.

Beliau berkata, pihaknya menyasarkan untuk mengutip RM5 juta untuk tabung berkenaan sehingga akhir tahun ini walaupun setakat ini hanya mampu menjana hampir RM1.7 juta.

Harap penyertaan GLC

“Setakat ini, kita masih belum terima apa-apa (sumbangan dari lebih banyak syarikat korporat, GLC). Kita berharap sebelum akhir tahun ini, lebih banyak GLC akan sudi menyumbang supaya sasaran kita dapat dicapai,” katanya selepas

melancarkan program Walk For Peace, di sini semalam.

Yang turut hadir, Naib Presiden Perhubungan Korporat dan Komunikasi Kumpulan Genting Malaysia, Datuk Seri Kay Prakash.

Pada majlis itu, PVATM turut menerima RM150,000 daripada Kumpulan Affin Bank, Kumpulan Genting (RM100,000) dan DRB-Hicom Defense Technologies Sdn Bhd (RM20,000) untuk Tabung Pahlawan.

Walk For Peace anjuran Persatuan Veteran Sedunia julung kali diadakan di Malaysia dan akan berlangsung serentak di seluruh dunia pada 21 September ini. Acara jalan kaki itu yang dijangka disertai 5,000 peserta itu akan diadakan di Dataran Putrajaya bermula jam 8 pagi berkenaan.

Mohd Anwar menjemput semua rakyat Malaysia menyertai acara berjalan kaki berkenaan yang tidak mengenakan sebarang yuran penyertaan.

Info

Program Walk For Peace

- ➔ Anjuran Persatuan Veteran Sedunia
- ➔ Berlangsung serentak di seluruh dunia pada 21 September ini.
- ➔ Dijangka disertai 5,000 peserta, lokasi di Dataran Putrajaya mulai jam 8 pagi